

15/02/1998

Umno perlu wujud kriteria pemimpin

A Nazri Abdullah

TIDAK ramai ahli Umno yang boleh menceritakan apakah idealisme perjuangan Umno sekarang. Mereka mungkin terkeliru dengan nasionalisme Umno tanpa menyedari nasionalisme zaman Datuk Onn Jaafar atau Tunku Abdul Rahman tidak sama dengan nasionalisme Umno sekarang. Setiap kali persidangan Umno berlangsung, nama bekas tokoh Umno disebut semula sekadar menghias kata tanpa menghayati perjuangan dan pengorbanan mereka. Apabila ada idea baru dilontarkan, perwakilan menjadi bisu atau takut untuk berbicara, bimbang kalau-kalau terbuka pekung di dada. Ucapan Presiden Umno adalah ucapan dasar yang penuh dengan idea baru tetapi tidak ramai perwakilan yang berani membahasnya secara mendalam. Dalam perhimpunan yang lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak bercakap mengenai budaya Melayu - budaya yang kaya dengan nilai-nilai murni dan unsur membina - tetapi tidak ramai yang menyahutnya.

Ahli Umno semakin tidak berani membicarakan tajuk-tajuk berat yang membabitkan kehidupan harian mereka. Mereka lebih gemar kepada jawatan daripada menyumbangkan fikiran untuk kebaikan parti, bangsa dan negara. Oleh kerana jawatan menjadi idaman ahli Umno, maka fitnah, kata-mengata, komplot jatuh-menjatuh sudah menjadi semacam idealisme perjuangan ahli Umno. Pertandingan yang sihat demi kekuatan parti perlu digalakkan, tetapi pertandingan dalam Umno hari ini lebih banyak membawa keburukan. Setiap kali menjelang pemilihan, bermacam nasihat, teguran dan peraturan dibuat, tetapi kesannya amat kecil. Oleh kerana Umno mengamalkan demokrasi dan semua ahli mempunyai hak yang sama, maka semua ahli Umno berhak merebut jawatan. Jadi masuk Umno mesti ada perlawanan.

Barangkali sudah tiba masanya Umno mewujudkan kriteria tertentu untuk jawatan di peringkat cawangan dan bahagian. Memandangkan kita sedang menuju ke arah negara maju, maka infrastruktur politik Umno juga perlu diarah bagi melahirkan bakal pemimpin yang pandai, berfikiran maju, matang dan mengamalkan nilai-nilai moral yang tinggi. Cadangan ini mungkin tidak disokong oleh ahli Umno yang berkepentingan diri, tetapi bagi ahli yang benar-benar setia dan sayangkan Umno, mereka pasti menerima hakikat bahawa pemimpin adalah orang yang lebih baik daripada pengikut.

Ahli Umno perlu bertanya diri sendiri secara ikhlas apakah dalam era yang serba mencabar ini mereka masih mahu melantik ketua cawangan yang tidak tahu menulis dan membaca? Apakah seorang calon yang dua tiga kali berniaga tutup kedai layak dipilih menjadi ketua? Kita berbangga ada nelayan atau penjaga pintu landasan kereta api menjadi ketua cawangan asalkan mereka memiliki sedikit kewibawaan dan kepandaian. Yang penting bukanlah kelayakan akademik yang tinggi, tetapi ciri-ciri seorang pemimpin. Kalau berkelayakan tinggi tetapi sombong, bongkak, pemaarah dan berkepentingan diri tentulah tidak layak menjadi pemimpin.

Buat masa ini Umno belum mempunyai apa-apa kriteria untuk pemimpin di cawangan dan bahagian. Sebab itulah asas pertandingan di peringkat cawangan dan bahagian didasarkan kepada pengaruh daripada ciri-ciri kepemimpinan yang terbaik. Sudah sampai masanya Umno memikirkan hal ini secara serius bagi melahirkan generasi pemimpin abad ke-21 yang lebih bijaksana, berilmu dan berwibawa.

Sekadar cadangan, sekurang-kurangnya setiap calon yang hendak bertanding di peringkat cawangan mestilah tahu membaca dan menulis, memiliki pengetahuan agama yang baik, boleh mengimamkan sembahyang, mempunyai keluarga yang harmoni, dan memahami sedikit sebanyak ilmu dan falsafah

politik. Ini perlu dijadikan asas kelayakan menjadi calon. Kalau keluarga sendiri tidak terurus, kalau suami isteri tidak tinggal serumah, bagaimana hendak memimpin keluarga yang lebih besar.

Kriteria ini perlu ditingkatkan untuk calon di peringkat bahagian kerana merekalah yang bakal ditonjolkan di peringkat kebangsaan. Kelayakannya mestilah lebih sedikit daripada cawangan dan pengetahuan politiknya mestilah lebih mendalam. Selain pengetahuan politik, calon untuk jawatan di peringkat bahagian juga mestilah memiliki pengetahuan ekonomi, politik antarabangsa, memahami dasar-dasar kerajaan dan menghayati aspirasi negara dengan mendalam. Dengan adanya kriteria seperti ini secara tidak langsung akan memaksa ketua cawangan dan bahagian memperbaiki diri sendiri apabila memegang jawatan.

Apa yang berlaku sekarang, ramai ahli politik berhenti daripada menambah ilmu selepas memegang jawatan politik dan keadaan ini menyebabkan wujud jurang intelektual yang besar di antara pemimpin pusat dan bahagian. Perdebatan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menjadi hambar dan apa yang ketara sekali apabila mereka dilantik menjadi Exco, Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri, mereka akan mengalami jurang intelektual dengan pegawai mereka sendiri. Pentadbiran akan menjadi kacau dan pelaksanaan dasar tidak tercapai apabila orang politik cuma memiliki kuasa tetapi miskin ilmu.

Kita berbangga memiliki pemimpin seperti Dr Mahathir yang berpengetahuan luas dalam serba bidang dan berpandangan jauh, tetapi cuba kita tanya diri sendiri berapa ramaikah doktor yang menjadi ahli di cawangan boleh memiliki separuh daripada kebijaksanaan dan kepandaian Dr Mahathir? Sebagai seorang doktor atau sarjana mereka tentulah memiliki kepandaian tetapi kerana pemilihan berasaskan pengaruh maka peniaga gerai nasi dipilih menjadi ketua cawangan. Tanpa kriteria pemimpin yang jelas, cerdik pandai Melayu akan mengasingkan diri daripada Umno, dan apabila politik di cawangan dikuasai oleh orang yang tidak cerdik, maka politiking dalam Umno pun akan menjadi bertambah bodoh dan memalukan.

Kita yakin jika kriteria pemilihan pemimpin diadakan, Umno dapat mengurangkan politiking dan secara tidak langsung memaksa sesiapa saja yang bercita-cita merebut jawatan parti melengkapkan diri dengan ilmu, bukannya wang ringgit. Mereka yang tidak boleh mengimamkan sembahyang akan belajar menjadi imam dan keluarga yang kucar-kacir akan kembali harmoni. Ciri-ciri ini bukanlah sukar diperoleh, cuma kerana terlalu ghairah memperkuatkan pengaruh politik mereka terlupa untuk memperbaiki diri sendiri.

(END)